



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP7 : GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBIAYAAN ISLAM OLEH KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B dan subseksyen 51(1) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memantau dan mengawal koperasi yang memberi kemudahan kredit.

LATAR BELAKANG

2. Pembiayaan Islam berdasarkan kepada prinsip-prinsip Syariah yang jelas dalam memenuhi keperluan kewangan anggota, koperasi dan pihak-pihak yang berurusan dengan koperasi, secara adil, berintegriti, saksama, amanah dan jujur di samping memastikan pengagihan kekayaan yang saksama.

3. Berbeza dengan kewangan konvensional, kewangan Islam ditadbir oleh hukum-hukum Syariah yang melarang urus niaga yang berasaskan riba' (faedah). Urus niaga kewangan Islam juga perlu berlandaskan aktiviti perdagangan dan perniagaan sebenar yang menjana pulangan yang halal dan berpatutan.

4. Pembiayaan Islam boleh dijalankan berasaskan kontrak Syariah di antaranya ialah:

- (a) Bai' Bithaman Ajil;
- (b) Bai' Istisna'a;
- (c) Bai' Inah;
- (d) Bai' Murabahah;
- (e) Ijarah;
- (f) Bai' Salam dan
- (g) Qadr'ul Hasan.

5. Koperasi boleh memberi pembiayaan Islam kepada:

- (a) anggotanya;
- (b) pekerjaanya termasuk ketua pegawai eksekutif;
- (c) subsidiarinya menurut subseksyen 19(2) Akta; atau
- (d) koperasi lain sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya

tertakluk kepada arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan undang-undang kecil koperasi.

6. Bagi koperasi kredit, pemberian pembiayaan Islam kepada anggota adalah merupakan aset terbesar bagi koperasi dan pulangan daripada aktiviti ini adalah merupakan sumber utama pendapatan koperasi.

7. Namun begitu, penglibatan koperasi dalam aktiviti ini, jika tidak diurus dengan cekap dan baik, boleh menyebabkan kerugian kepada koperasi dan seterusnya memberi kesan negatif kepada anggota koperasi yang merupakan pemilik koperasi. Oleh yang demikian, kualiti pembiayaan amat penting kepada kestabilan dan kewujudan koperasi sebagai entiti yang berdaya maju.

Senario Semasa

8. Di dalam melaksanakan kerja penyeliaan sebagai sebuah badan kawal selia sektor koperasi, Suruhanjaya mendapati satu bentuk aktiviti kredit mengikut pendekatan baru telah diperkenalkan oleh beberapa buah koperasi iaitu menjalankan aktiviti kredit menggunakan sumber pembiayaan luar daripada bank perdagangan.

9. Koperasi ini telah mengenakan pelbagai potongan terhadap pembiayaan yang ditawarkan seperti komisen kepada koperasi, komisen kepada agen, *sinking fund*, caj bank, insuran, duti setem, bayaran guaman, syarikat pengurusan dan bayaran pos yang mana jumlah potongan terhadap amaun pembiayaan di antara 5 hingga 35 peratus.

10. Akibat promosi yang melampau (*excessive promotion*), pelaksanaan aktiviti pembiayaan jenis ini telah mendapat sambutan yang hebat. Keadaan ini juga disebabkan amaun pembiayaan yang ditawarkan oleh bank adalah besar jumlahnya. Pihak bank tidak menanggung sebarang risiko kerugian kerana bayaran balik adalah terjamin melalui perkhidmatan kemudahan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) atau ditanggung oleh koperasi.

11. Perolehan sumber dana sedemikian dilaksanakan dalam berbagai kaedah yang didapati tidak menepati falsafah berkoperasi iaitu untuk membantu diri sendiri di mana sumber pembiayaan aktiviti kredit sepatutnya daripada sumber dalaman iaitu modal yuran anggota.

Kesan dan Implikasi Terhadap Koperasi dan Ekonomi

12. Penerapan prinsip koperasi adalah elemen terpenting kepada jati diri koperasi. Tanpa prinsip yang teguh dan berkesan, matlamat penubuhan koperasi tidak akan tercapai.

13. Senario koperasi yang berlumba-lumba mendapatkan sumber dana daripada bank-bank perdagangan telah mengakibatkan koperasi dilihat semata-mata sebagai alat kepada pihak bank untuk mendapatkan kemudahan BPA. Koperasi sanggup dalam erti kata lain menggadaikan maruahnyanya demi mendapatkan sedikit keuntungan dan memenuhi kepentingan sesetengah pihak termasuk anggota Lembaga koperasi itu sendiri.

14. Aduan-aduan yang diterima daripada peminjam yang teraniaya dan tertipu kerana menanggung bebanan kewangan dari pembiayaan yang ditawarkan oleh koperasi dengan mengenakan caj yang tinggi, telah memburukkan lagi imej koperasi. Perkara ini jika tidak dibendung akan merosakkan skim pinjaman / kredit melalui koperasi yang dipupuk selama ini.

15. Jika kemudahan BPA dibuka kepada bank perdagangan, koperasi kredit akan kehilangan punca pendapatan utama dan seterusnya melemahkan gerakan koperasi keseluruhannya kerana berdasarkan kepada kedudukan kewangan koperasi pada 31 Disember 2008, koperasi kredit merupakan penyumbang terbesar iaitu 68 peratus (RM5.29 bilion) daripada keseluruhan pendapatan aktiviti koperasi dan 86 peratus (RM1.37 bilion) daripada keuntungan keseluruhan gerakan koperasi.

BAHAGIAN B : AKTIVITI PEMBIAYAAN

SUMBER DANA

16. Koperasi boleh mendapatkan sumber dana melalui:

- (a) Kutipan yuran daripada anggotanya menurut perenggan 50(c) Akta;
- (b) Deposit atau pinjaman daripada anggota menurut perenggan 50(e) Akta; dan
- (c) Deposit atau pinjaman daripada orang yang bukan anggota koperasi itu menurut perenggan 50(e) Akta dengan kelulusan Suruhanjaya.

17. Deposit atau pinjaman dari bukan anggota kepada koperasi hendaklah tertakluk kepada arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

18. Koperasi hendaklah menguruskan sumber dana yang diperolehi berasaskan Syariah bagi tujuan aktiviti pembiayaannya. Sumber dana yang diperolehi oleh koperasi hendaklah juga disimpan dan disenggara dalam akaun berasaskan Syariah.

19. Bagi tujuan mendapatkan pertimbangan kelulusan Suruhanjaya untuk permohonan deposit atau pinjaman daripada bukan anggota, koperasi perlu mengemukakan maklumat yang lengkap seperti di **Lampiran 1**.

Modus Operandi

20. Hasil pemeriksaan Suruhanjaya, pendekatan yang dilaksanakan oleh koperasi boleh dikategorikan kepada 3 modus operandi seperti berikut:

(a) Model 1

- (i) Koperasi menggunakan sumber dalaman bagi menjalankan aktiviti kredit.
- (ii) Pengurusan dan pengendalian aktiviti kredit diuruskan keseluruhannya oleh koperasi.

(b) Model 2

- (i) Koperasi menggunakan sumber pembiayaan bank yang disalurkan terus kepada koperasi bagi menjalankan aktiviti kredit.
- (ii) Pengurusan dan pengendalian aktiviti kredit diuruskan sepenuhnya oleh koperasi.

(c) Model 3

- (i) Koperasi bertindak sebagai agen kepada bank dalam melaksanakan aktiviti kredit.
- (ii) Pengurusan dan pengendalian aktiviti kredit diuruskan oleh bank.
- (iii) Koperasi hanya memberi pengesahan kelayakan anggota untuk mendapat pembiayaan.

(iv) Wang pembiayaan tidak disalurkan kepada koperasi sebaliknya terus ke dalam akaun peminjam.

(v) Koperasi hanya mendapat pulangan dalam bentuk komisyen.

21. Koperasi **dilarang** melaksanakan aktiviti pemberian pembiayaan Islam di bawah **Model 3**.

HUBUNGAN ANTARA ANGGOTA DAN KOPERASI DALAM PEMBIAYAAN ISLAM

22. Pembiayaan Islam mempunyai hubungan berkontrak terutamanya kontrak *mudharabah* (perkongsian keuntungan) di antara anggota dan koperasi. Di dalam kontrak *mudharabah*, anggota yang menyumbang dana kepada koperasi. Koperasi berperanan sebagai pengusaha di mana koperasi akan melabur dana yang diterima daripada anggota.

23. Keuntungan terakru daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan akan dikongsi di antara anggota dan koperasi berasaskan kadar yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Kerugian jika ada, akan ditanggung oleh anggota, kecuali dalam kes di mana kecuaiian terbukti di pihak koperasi dalam mengurus dana tersebut

JENIS PEMBIAYAAN

24. Jenis-jenis pembiayaan adalah seperti berikut:

(a) **Bercagar**

Pembiayaan bercagar memerlukan apa-apa harta sebagai cagaran untuk mendapatkan pembiayaan. Peminjam menghadapi risiko kehilangan harta tersebut sekiranya pembiayaan gagal dijelaskan.

(b) **Tidak Bercagar**

Pembiayaan tidak bercagar ialah pembiayaan yang tidak dicagarkan dengan apa-apa harta. Pembiayaan tersebut terdapat dalam pelbagai pakej contohnya pembiayaan kecemasan dan pembiayaan peribadi.

KELAYAKAN

25. Koperasi hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

(a) menetapkan caruman yuran pada kadar minimum RM30.00 tiap-tiap bulan atau secara berkala mengikut undang-undang kecil; dan

(b) mewujudkan aturan pembiayaan yang diluluskan dalam mesyuarat agung.

KADAR PULANGAN YANG DITENTUKAN

26. Koperasi boleh mengenakan kadar pulangan secara tetap atau boleh ubah ke atas pembiayaan yang diluluskan dengan syarat tidak melebihi daripada had yang ditetapkan dalam mesyuarat agung.

27. Kadar pulangan yang dikenakan seharusnya tidak membebankan peminjam. Ia seharusnya berasaskan kos pendanaan dan kos pentadbiran koperasi ditambah dengan keuntungan yang munasabah.

28. Pengiraan kadar pulangan bagi pemberian pembiayaan ialah:-

$$\text{Prinsipal (P) x Kadar Ditetapkan (R) x Masa (T)}$$

29. Pengiraan jumlah kadar asas pemberian pembiayaan koperasi (*Base Financing Co-operative Rate – BFCR*) bolehlah mengambil kira kos-kos berikut:-

	Butiran	%
i.	Kos pendanaan	xx
ii.	Kos kakitangan	xx
iii.	Kos overhead	xx
	Jumlah Kos	xxx
	Margin Pulangan	xx
	Jumlah Kadar Asas Pemberian Pembiayaan Koperasi (BFCR)	xxx

Penerangan serta contoh pengiraan kadar asas pemberian pembiayaan koperasi (BFCR) adalah seperti di **Lampiran 2**.

30. Had maksimum margin pulangan yang boleh dikenakan oleh koperasi adalah seperti berikut:

	Jenis Pembiayaan	Kemudahan BPA atau PGM*	Had margin pulangan
i.	Pembiayaan peribadi	Ada	Tidak melebihi dua peratus (2%) setahun
ii.	Pembiayaan peribadi	Tiada	Ditentukan oleh koperasi
iii.	Pembiayaan-pembiayaan lain	Ada atau tiada	Ditentukan oleh koperasi

Nota: BPA - Biro Perkhidmatan ANGKASA

PGM – Potongan Gaji Majikan

Pulangan ke atas pembiayaan

31. Bagi koperasi yang melaksanakan aktiviti pembiayaan Islam, pulangan ke atas pembiayaan bergantung kepada persetujuan di antara koperasi dan peminjam.

32. Pembahagian untung/rugi berasaskan konsep syariah hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua pihak melalui kontrak.

***Ibra'* (rebat) dalam Perjanjian Pembiayaan**

33. *Ibra'* dilaksanakan berasaskan budi bicara pembiaya kepada penerima biaya yang melangsaikan pembiayaan lebih awal daripada tempoh yang dipersetujui. Bagi mengatasi masalah kesamaran dalam pengiraan atau pemberian *ibra'* oleh pembiaya, dicadangkan supaya satu klausa perjanjian untuk memberi *ibra'* kepada anggota yang melunaskan pembiayaannya lebih awal daripada tempoh matang diwujudkan.

FI DAN CAJ

34. Fi dan caj boleh dikenakan tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung. Fi adalah bayaran atau sumbangan yang dikenakan dalam suatu jangkamasa yang berulang (*recurring*) contohnya yuran. Manakala caj adalah bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditawarkan.

35. Fi dan caj yang boleh dikenakan untuk tiap-tiap permohonan kemudahan kredit adalah seperti berikut:-

- (a) Caj pemprosesan yang tidak melebihi RM100.00;
- (b) Duti setem tidak melebihi RM10.00;
- (c) Kos insurans bergantung kepada jumlah dan jenis pembiayaan serta risiko profil penerima biaya;
- (d) Caj pelangsaian pembiayaan tidak melebihi lima (5) peratus daripada baki pembiayaan belum selesai;
- (e) Sumbangan khairat kematian; dan
- (f) Fi dan caj lain, jika dikenakan, hendaklah mendapat kelulusan Suruhanjaya terlebih dahulu. Keputusan akan dimaklumkan kepada koperasi dalam tempoh tiga puluh hari bekerja oleh Suruhanjaya.

SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN

36. Tiap-tiap koperasi hendaklah memperuntukkan syarat-syarat berikut dalam aturan aktiviti pembiayaannya:

(a) **Tempoh Bayaran Balik**

Tempoh bayaran balik pembiayaan hendaklah –

- (i) bagi pembiayaan tak bercagar, **tidak melebihi lima belas (15) tahun;**
- (ii) bagi pembiayaan bercagar, boleh **melebihi lima belas (15) tahun;**

atau suatu tempoh yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

(b) **Had Umur**

- (i) Bagi koperasi yang menggunakan BPA atau Potongan Gaji Majikan (PGM), tempoh bayaran balik adalah seperti dinyatakan di perenggan (a)(i) dan (ii) di atas tertakluk kepada had umur persaraan, yang mana lebih awal.
- (ii) Bagi koperasi selain daripada yang dinyatakan di perenggan (i), koperasi perlu menetapkan had umur peminjam bagi maksud tempoh bayaran balik pembiayaan.

(c) **Amaun Pembiayaan**

Tertakluk kepada jenis pembiayaan mengikut kelayakan pemohon.

(d) Kelayakan Pemohon Pembiayaan

(i) Anggota

(A) Anggota kepada koperasi:

(AA) sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan telah menyempurnakan bayaran yuran bulanan untuk tempoh tersebut; atau

(AB) bagi pemohon yang menjadi anggota kurang dari enam (6) bulan, anggota tersebut hendaklah memiliki sekurang-kurangnya modal yuran sebanyak RM180.00 (RM30.00 x 6 bulan) dan menjadi anggota sekurang-kurangnya satu bulan.

(B) Had umur yang dibenarkan.

(C) Kelayakan maksimum peminjam tertakluk kepada amaun ansuran bulanan tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada gaji hakiki bulanan peminjam.

(ii) Pekerja

Tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang ditentukan oleh koperasi itu.

(iii) Subsidiari

Subsidiari yang layak meminjam adalah tertakluk kepada rekod prestasi kewangan dan pengurusan yang memuaskan bagi tiga (3) tahun terakhir.

(iv) Koperasi lain

(A) Telah didaftarkan sekurang-kurangnya lapan belas (18) bulan; dan

(B) Mempunyai rekod prestasi kewangan dan pengurusan yang memuaskan.

(e) **Dokumen Permohonan**

Setiap permohonan perlu disertakan dokumen-dokumen berkaitan yang ditetapkan oleh koperasi.

(f) **Tatacara Proses Pembiayaan**

Tatacara memproses pembiayaan perlu diwujudkan bagi memastikan tadbir urus yang telus dan akauntabiliti koperasi. Kuasa melulus bergantung kepada struktur pemprosesan pembiayaan koperasi itu. Ia boleh dibahagikan kepada peringkat seperti berikut:

(i) Pengurusan

(ii) Jawatankuasa Pembiayaan

(iii) Lembaga

bergantung kepada aturan pembiayaan koperasi itu.

(g) Kutipan Bayaran Balik Pembiayaan

- (i) Mewujudkan tatacara kutipan bayaran balik pembiayaan sama ada dengan menggunakan perkhidmatan:
 - (A) BPA; atau
 - (B) Cara-cara kutipan lain.
- (ii) Menyediakan tatacara kutipan pembiayaan tak berbayar serta tindakan yang akan diambil untuk mengutip bayaran balik pembiayaan tersebut.
- (iii) Menyediakan pelan tindakan termasuk penjadualan dan penyusunan semula pembiayaan bermasalah serta cara-cara penyelesaiannya.
- (iv) Menyediakan satu kaedah pembayaran apabila anggota melunaskan pembiayaannya lebih awal daripada tempoh matang (rebat).
- (v) Penjamin jika perlu, hendaklah mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh koperasi itu seperti berikut:
 - (A) Menjadi anggota koperasi.
 - (B) Had umur.
 - (C) Had pendapatan.
 - (D) Lain-lain.

KAWALAN HAD PEMBIAYAAN

37. Koperasi yang memberi penumpuan pembiayaan kepada seseorang peminjam atau mereka yang mempunyai kepentingan adalah merupakan amalan pembiayaan yang tidak berhemah. Amalan ini boleh meletakkan koperasi dalam kedudukan yang tidak kukuh apabila peminjam tersebut gagal membayar balik pembiayaan dan memberi kesan kepada kedudukan kewangan koperasi itu.

38. Pemberian pembiayaan oleh koperasi hendaklah tertakluk kepada had berikut:

(a) Anggota/pekerja

Potongan gaji (termasuk semua pembiayaan), tidak melebihi enam puluh peratus (60%) daripada jumlah pendapatan.

(b) Koperasi/subsidiari

Tidak melebihi lima peratus (5%) jumlah aset atau lima belas peratus (15%) daripada kumpulan wang anggota koperasi, yang mana lebih rendah.

39. Pihak pengurusan dan Jawatankuasa Pembiayaan yang diberi kuasa melulus pembiayaan tidak boleh memberi apa-apa pembiayaan yang melebihi had atau di luar bidang terma dan syarat yang dikenakan.

40. Lembaga mempunyai kuasa untuk mengesahkan atau meminda keputusan pembiayaan yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan dan jawatankuasa.

CAGARAN (JIKA PERLU)

41. Koperasi hendaklah menyediakan dasar untuk jenis-jenis cagaran yang boleh diterima oleh koperasi. Dalam menentukan cagaran, koperasi hendaklah memastikan:

- (a) Had terhadap jenis-jenis cagaran yang dipegang oleh koperasi;
- (b) Kaedah penilaian terhadap cagaran dan kekerapan kajian semula cagaran;
- (c) Kaedah pelupusan cagaran;
- (d) Saiz agregat cagaran yang dimiliki oleh koperasi; dan
- (e) Margin pembiayaan yang diberi untuk setiap jenis cagaran yang berlainan.

42. Antara jenis-jenis cagaran adalah seperti berikut:

- (a) Jaminan oleh penjamin;
- (b) Tanah/bangunan; atau
- (c) Sijil simpanan di institusi kewangan atau agensi Kerajaan Malaysia.

43. Syer anggota tidak boleh dicagar untuk mendapat pembiayaan daripada koperasi.

44. Cagaran hendaklah dinilai oleh pegawai yang kompeten atau jurunilai bertauliah. Pegawai yang dipertanggungjawabkan hendaklah tidak mempunyai kepentingan terhadap cagaran yang dinilai.

45. Laporan penilaian hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi maklumat berikut:

- (a) tarikh penilaian;
- (b) nama penilai;
- (c) harga pasaran;
- (d) nilai jualan terpaksa (*forced sale value*); dan
- (e) kaedah penilaian yang digunakan.

BAHAGIAN C : KEPERLUAN KAWAL SELIA

TADBIR URUS

Lembaga Koperasi

46. Lembaga hendaklah bertanggungjawab bagi memastikan –

- (a) dasar dan piawaian pemberian pembiayaan adalah:
 - (i) selaras dengan aktiviti perniagaan sepertimana termaktub dalam undang-undang kecilnya; dan
 - (ii) bersesuaian dengan kecukupan modal, kepakaran pengurusan dan risikonya.
- (b) pemberian pembiayaan adalah bersesuaian dengan objektif aktiviti perniagaan dan halatuju koperasi;

- (c) aturan-aturan pembiayaan koperasi dibentangkan untuk kelulusan mesyuarat agung. Aturan-aturan pembiayaan hendaklah dikaji dari semasa ke semasa dan dipinda sekiranya perlu;
- (d) koperasi dalam setiap masa mengamalkan tadbir urus yang baik;
- (e) pengurusan koperasi yang dipertanggungjawab mempunyai keupayaan untuk mengurus aktiviti pemberian pembiayaan;
- (f) proses pengurusan risiko dalam aktiviti pemberian pembiayaan adalah mencukupi;
- (g) suatu sistem penyeliaan yang teratur diwujudkan dalam hal pengurusan pemberian pembiayaan oleh koperasi; dan
- (h) jenis pembiayaan yang disediakan tidak memudaratkan peminjam dan promosi tidak bersifat mengelirukan peminjam.

47. Lembaga hendaklah memantau prestasi portfolio pembiayaan melalui laporan berkala. Sekurang-kurangnya pada setiap suku tahun, Lembaga diberi taklimat mengenai keseluruhan portfolio pembiayaan oleh pengurusan. Lembaga hendaklah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (a) prestasi pembiayaan menurut kategori, contohnya jenis dan kualiti pembiayaan;
- (b) pembiayaan berjumlah besar berbanding aset koperasi;
- (c) pembiayaan-pembiayaan bermasalah, termasuk hutang lapuk, dan tindakan pemulihan yang diambil; dan

- (d) jenis-jenis pembiayaan yang mempunyai potensi berdaya maju.

Pengurusan

48. Pihak pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar pemberian pembiayaan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga dan bertanggungjawab menyediakan prosedur-prosedur yang perlu untuk dilaksanakan.

49. Tanggungjawab pihak pengurusan termasuk menyediakan:

- (a) Bidang kuasa (*clear lines of authority*) dan tanggungjawab yang jelas dalam pemberian pembiayaan;
- (b) Saluran komunikasi yang teratur dan jelas mengenai dasar pemberian pembiayaan dan dipatuhi oleh pegawai yang terlibat;
- (c) Prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan serta kawalan dalaman untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko pembiayaan dalam usaha melaksanakan dasar dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Lembaga;
- (d) Sistem IT yang mencukupi dan berkesan untuk memastikan laporan prestasi pembiayaan boleh disediakan dengan cepat, tepat dan berinformasi;
- (e) Laporan kepada Lembaga koperasi mengenai semua aspek pembiayaan termasuk tunggakan dan kutipan bayaran balik;
- (f) Maklumat kualiti dan risiko pembiayaan serta melaksanakan kajian semula ke atas keseluruhan portfolio pembiayaan sekerap yang mungkin; dan

- (g) Modal insan yang mencukupi dan kompeten.

Jawatankuasa Audit Dalaman

50. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memastikan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan prosedur pemberian pembiayaan yang ditetapkan dipatuhi.

PENGURUSAN RISIKO

51. Pengurusan risiko ialah suatu proses untuk melindungi sumber dan aset koperasi daripada kerugian. Amalan pengurusan risiko yang berkesan dapat mengawal atau mengurangkan tahap kerugian yang akan dialami oleh koperasi.

52. Sehubungan itu, Lembaga melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, sekiranya ada, bertanggungjawab mengamalkan teknik pengurusan risiko yang berkesan dengan mewujudkan:

- (a) rangka kerja dan tatacara yang mencukupi bagi mengenal pasti, memantau dan mengawal risiko;
- (b) prosedur operasi pembiayaan yang mencukupi dan berkesan; dan
- (c) proses kawalan dalaman untuk menilai, mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan segala jenis risiko.

53. Dasar dan prosedur pengurusan risiko hendaklah diluluskan oleh Lembaga koperasi dan didokumenkan.

Proses Pengurusan Risiko

54. Penilaian Pembiayaan

- (1) Setiap permohonan pembiayaan tertakluk kepada analisis sesuai dengan saiz dan kerumitan transaksi. Format dokumen piawaian untuk penilaian dan pendekatan analisis yang seragam perlu ada. Penilaian hendaklah termasuk pemahaman terhadap peminjam, tujuan, jenis pembiayaan dan sumber bayaran balik pembiayaan.
- (2) Dasar bertulis perlu ada, untuk melulus pembiayaan, pembaharuan pembiayaan sedia ada dan/atau perubahan terhadap syarat pembiayaan yang telah diluluskan terdahulu.

55. Kelulusan Pembiayaan

- (1) Fungsi kelulusan pembiayaan hendaklah selaras dengan panduan yang disediakan oleh Lembaga dan aturan-aturan yang telah diluluskan oleh mesyuarat agung.
- (2) Proses kelulusan pembiayaan hendaklah memastikan wujudnya:
 - (a) akauntabiliti terhadap keputusan yang dibuat;
 - (b) pembahagian kuasa untuk melulus atau membuat perubahan dalam terma; dan
 - (c) had pembiayaan yang dibenarkan.
- (3) Kuasa melulus pembiayaan hendaklah selaras dengan kepakaran/pengalaman pegawai yang terlibat.

- (4) Jejak audit (*audit trail*) hendaklah jelas, di mana dokumen segala aspek proses kelulusan pembiayaan disimpan dan pegawai dan/atau jawatankuasa yang memberi komen dan membuat keputusan boleh dikenalpasti.

56. Pemantauan dan kajian semula

- (1) Penilaian dan kajian semula pembiayaan adalah asas untuk mengukur dan melapor prestasi pembiayaan secara tepat.
- (2) Koperasi perlu mengkaji semula semua pembiayaan. Walau bagaimanapun, pembiayaan untuk individu, kajian semula boleh dibuat berasaskan kepada pembiayaan yang melebihi had tertentu. Contohnya, pembiayaan yang melebihi jumlah tertentu.
- (3) Tatacara pemantauan perlu menentukan kriteria untuk mengenalpasti dan melapor pembiayaan dan transaksi lain yang berpotensi bermasalah supaya pembiayaan tersebut tertakluk kepada pemantauan yang lebih teliti dan tindakan penambahbaikan boleh diambil, jika perlu.
- (4) Tatacara pemantauan yang efektif hendaklah termasuk:
 - (a) memastikan koperasi memahami kedudukan kewangan terkini peminjam;
 - (b) memastikan pembiayaan mematuhi kehendak undang-undang;
 - (c) memastikan, di mana perlu, cagaran yang disediakan adalah mencukupi; dan

- (d) mengenalpasti dan mengklasifikasikan pembiayaan berpotensi bermasalah tepat pada masanya (*timely basis*).

57. Kajian terhadap kawalan kualiti

- (1) Jawatankuasa Audit Dalaman atau pegawai yang diberi kuasa hendaklah menjalankan kajian portfolio pembiayaan koperasi sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun. Koperasi hendaklah menjalankan kajian semula proses pemberian pembiayaan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.
- (2) Objektif kajian adalah untuk –
 - (a) menentukan kualiti portfolio pembiayaan;
 - (b) mengemukakan pembiayaan bermasalah serta puncanya; dan
 - (c) memberi cadangan untuk mendapat balik pembiayaan bagi meminimumkan kerugian.
- (3) Jawatankuasa juga menentukan kepatuhan terhadap dasar dan prosedur pembiayaan. Laporan pembiayaan bermasalah hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga.

PEMATUHAN PRINSIP SYARIAH

58. Bagi maksud menjalankan pembiayaan Islam, koperasi hendaklah merujuk kepada:

- (a) Himpunan resolusi Majlis Penasihat Syariah dalam buku yang berjudul "Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam" yang dikeluarkan oleh

Bank Negara Malaysia. Buku ini diterbitkan sebagai rujukan untuk komuniti kewangan Islam, terutamanya untuk pegawai dan pengamal Syariah; atau

- (b) Suruhanjaya bagi produk-produk lain yang tidak dinyatakan di perenggan (a) di atas.

59. Koperasi hendaklah memastikan proses pematuhan Syariah berkesan disediakan yang merangkumi:

- (a) tadbir urus yang baik; dan
- (b) pemantauan produk Syariah secara berterusan.

PELAPORAN

60. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta, koperasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi termasuk minit mesyuarat lembaga. Koperasi adalah dikehendaki mengemukakan laporan setengah tahun mengikut format Garis Panduan bagi Laporan Setengah Tahun Koperasi Kredit yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 12 Tahun 2005.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN PERMULAAN KUAT KUASA


61. Garis Panduan Mengenai Pemberian Pinjaman Oleh Koperasi Kepada Anggota yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 18 Tahun 2005 adalah dengan ini dibatalkan.

62. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

63. Garis panduan ini dikuat kuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATO' MANGSOR BIN SAAD)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 16-11-2009

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

**Permohonan Pinjaman/Pembiayaan daripada bukan anggota
(Institusi kewangan atau sumber-sumber lain)**

Dokumen yang diperlukan untuk memproses permohonan adalah:

- (1)** Surat permohonan
 - (i) Latar belakang koperasi
 - (ii) Prestasi kewangan koperasi

- (2)** Kertas kerja tujuan pinjaman/pembiayaan diterima:
 - (i) Perjanjian antara koperasi dan bukan anggota
 - (ii) Tujuan, jumlah, jenis, terma, syarat dan jangkamasa pinjaman/pembiayaan
 - (iii) Modus operandi/carta aliran pinjaman/pembiayaan yang diterima oleh koperasi
 - (iv) Kos atau faedah/pulangan yang terlibat
 - (v) Peranan koperasi dan bukan anggota dalam hal pinjaman/pembiayaan yang diterima oleh koperasi
 - (vi) Justifikasi bagi pinjaman/pembiayaan diperlukan (Analisis SWOT)
 - (vii) Pengurusan risiko

- (viii) Unjuran bayaran balik pinjaman/pembiayaan
- (3) Penyata kewangan teraudit 3 tahun terakhir
 - (4) Cabutan minit mesyuarat agung yang meluluskan had maksimum keterhutangan
 - (5) Cabutan minit mesyuarat Lembaga yang meluluskan permohonan pinjaman/pembiayaan daripada bukan anggota
 - (6) Penyata Terimaan dan Bayaran (Akaun Pengurusan) bagi 3 bulan terakhir
 - (7) Penyata Aset Mudah Tunai
 - (8) Laporan Prestasi Aktiviti Kredit Koperasi bagi setahun
 - (9) Lain-lain maklumat yang perlu dari aspek ekonomi bagi menyokong permohonan

LAMPIRAN 2

PENGIRAAN KADAR ASAS PEMBERIAN PEMBIAYAAN KOPERASI (BFCR)

Langkah 1: Pengiraan jumlah kos terlibat

No	Butiran	Amaun (RM)
i.	Kos Pendanaan <i>iaitu:</i> Perbelanjaan pulangan/dividen (a)	
ii.	Kos Pekerja Bagi Aktiviti Koperasi <i>iaitu:</i> Kos Pekerja/ALK (b)	
iii.	Kos Overhed Bagi Aktiviti Koperasi <i>iaitu:</i> Kos Overhed (c)	
iv.	Dana Bagi Pembiayaan (<i>Loanable Funds</i>) (d)	

Nota penerangan:

No	Butiran	Keterangan
(a)	Perbelanjaan pulangan/ dividen	<ul style="list-style-type: none"> • Dividen ke atas yuran dan syer; dan • Pulangan ke atas pembiayaan, termasuk pulangan telah dibayar dan terakru, daripada anggota dan bukan anggota (tidak termasuk simpanan khas/deposit).
(b)	Kos pekerja/ALK	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah perbelanjaan yang berkaitan dengan pekerja/ALK untuk tempoh 12 bulan. <p>Termasuk: gaji, bonus, elaun dan caruman KWSP/PERKESO</p>
(c)	Kos overhed	<p>Overhed merujuk kepada semua perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi koperasi untuk 12 bulan.</p> <p>Termasuk : latihan dan kebajikan pekerja, komisyen perniagaan, fi pengurusan, pembaikan & penyelenggaraan, sewa, susutnilai dan perbelanjaan lain.</p> <p>Tidak termasuk : peruntukan hutang ragu & hutang lapuk, hapus kira hutang,kerugian jualan pelaburan jangka panjang, aset tetap dan kerugian luar biasa yang lain.</p>
(d)	Dana bagi pembiayaan	Jumlah dana termasuk yuran anggota, deposit dan penerimaan pembiayaan.

Langkah 2: Pengiraan kadar

	Butiran	%
i.	Kos Pendanaan	
ii.	Kos Pekerja	
iii.	Kos Overhed	
	Jumlah kos	
	Margin Pulangan	
	BFCR	

Nota Penerangan:

i. Kos Pendanaan = $\frac{\text{Kos pendanaan}}{\text{Dana bagi pembiayaan}} \times 100$

ii. Kos Pekerja = $\frac{\text{Kos pekerja bagi aktiviti koperasi}}{\text{Dana bagi pembiayaan}} \times 100$

iii. Kos overhed = $\frac{\text{Kos overhed bagi aktiviti koperasi}}{\text{Dana bagi pembiayaan}} \times 100$

CONTOH
Koperasi ABC Berhad

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Koperasi ABC Behad untuk tahun berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

	RM
Jumlah pendapatan	8,000,000
Pendapatan dari keuntungan/pulangan	7,000,000
Pendapatan dari bukan keuntungan/pulangan	1,000,000
Jumlah perbelanjaan	2,003,00
Dividend (4%) 1/	1,600,000
Pulangan atas pembiayaan daripada bukan anggota	1,000,000
Kos pekerja	400,000
Kos overhed	600,000

Sumber Dana

1/ Modal Yuran	40,000,000
Pembiayaan daripada bukan anggota	30,000,000

Pengiraan BFCR

Langkah 1: Pengiraan jumlah kos terlibat

No	Butiran	Amaun (RM)
i.	Kos Pendanaan 2/	2,600,000
ii.	Kos Pekerja	400,000
iii.	Kos Overhed	600,000
iv.	Dana Bagi Pembiayaan	70,000,000

Nota:

2/ Perbelanjaan pulangan/dividen

Pulangan atas pembiayaan daripada bukan anggota	1,000,000
<i>Tambah:</i> Dividen (4%)	<u>1,600,000</u>
Jumlah	<u>2,600,000</u>

Langkah 2 : Pengiraan kadar

	Butiran	%
i.	Kos Pendanaan	3.70
ii.	Kos Pekerja	0.57
iii.	Kos Overhed	0.85
	Jumlah Kos	5.12
	Margin Pulangan	0.25
	BFCR	5.37

Nota Penerangan:

$$\text{i. Kos Pendanaan} = \frac{2,600,000}{70,000,000} \times 100$$

$$\text{ii. Kos Pekerja} = \frac{400,000}{70,000,000} \times 100$$

$$\text{iii. Kos overhed} = \frac{600,000}{70,000,000} \times 100$$